

# Newtbec

NEW WAY OF BEING CHURCH

Hari Minggu Biasa Ke-15


## GARAM DAN TERANG DUNIA: PERSEKUTUAN, PENYERTAAN DAN MISI

FOKUS BULANAN:

HARI DATUK NENEK DAN WARGA TUA SEDUNIA (24 Julai)

# Tetap Bersama Allah Melalui Firman-Nya

Kita meraikan Allah yang dekat dengan kita baik dalam Firman-Nya dan dalam sesama kita. Sebagai gambaran Allah yang tidak kelihatan, dan seperti dalam Orang Samaria yang Baik Hati, Kristus dekat dengan kita dalam semua keadaan kehidupan.



**PETIKAN TULISAN SUCI UNTUK DIHAFAL:**

... firman ini sangat dekat kepadamu, yakni di dalam mulutmu dan di dalam hatimu, untuk dilakukan. (Ulangan 30:14)

Dalam bacaan pertama, Musa menekankan kepada umatnya kepentingan untuk tinggal bersama Allah melalui Firman-Nya. Musa mengingatkan kita bahawa Allah itu hidup, aktif dan sentiasa dekat dengan kita dalam Firman-Nya: "Sebab perintah ini tidaklah terlalu sukar bagimu dan tidak pula terlalu jauh."

Kita juga dipanggil untuk mematuhi dan hidup oleh Firman kerana, ia adalah sumber kehidupan. Allah telah menyatakan diri-Nya sepenuhnya kepada kita dalam Firman-Nya, dan hanya mereka yang berusaha bersungguh-sungguh akan menemukan-Nya. Maka, mazmur hari ini menasihati kita, "Carilah Allah, semoga hatimu hidup kembali." **Cara termudah untuk menjadi intim dengan Allah adalah dengan menghidupi Firman-Nya.**

Dalam bacaan kedua, Santo Paulus mengingatkan kita betapa dekatnya Allah dengan kita. Melalui Anak-Nya Yesus Kristus, Allah datang untuk tinggal di antara kita. Allah mengucapkan Firman-Nya, dan Dia menjadi nyata di antara kita. Paulus mengingatkan kita bahawa Allah memutuskan untuk tinggal bersama kita melalui Yesus Kristus untuk mendamaikan kita dengan Diri-Nya.

Dalam Injil, Yesus mengarahkan ahli Taurat itu kepada Kitab Suci. Dengan melakukan ini, Yesus membiarkan dia memahami bahawa, Allah boleh ditemui dalam Firman-Nya yang dekat dengannya. Oleh itu, mengasihi Allah adalah mangasihi Firman-Nya. Yesus seterusnya menyokong ini dengan menceritakan kisah Orang Samaria yang Baik Hati. Firman Allah ialah Yesus sendiri, yang bercakap kepada kita, dan Yesus yang sentiasa dekat dengan kita seperti orang Samaria yang Baik Hati.

Allah dekat dengan kita dalam jiran kita. Sebagai tuan yang rendah hati, Dia sentiasa tersedia untuk kita dengan cara dan perkara yang mudah. Dia dekat dengan kita dalam Kitab Suci, dalam orang miskin, orang adil, orang alim, orang terpinggir, orang tua, orang sakit, dan orang lemah. Seperti orang Samaria yang Baik Hati, jika kita mencari Allah dalam hal ini, kita akan menemui Dia. Orang Samaria yang Baik Hati itu melihat Allah dalam diri mangsa, dan oleh itu tergerak untuk menolongnya.

Jadi apa yang penting ialah jiran sejati tahu bahawa kasih tidak boleh mempunyai sempadan dan bahawa semua manusia adalah jiran kita, termasuk, musuh kita. ✚

**AYAT SUCI MINGGU INI**

- Ulangan 30: 10-14;
- Mazmur 68: 14, 17, 30-31, 33-34, 36-37 atau Mazmur 18: 8-11;
- Kolose 1: 15-20;
- Lukas 10: 25-37.